



MSM Ingin Bangunkan Semula Industri Tebu Di Malaysia – Bagi Kurangkan Kadar Import Gula Mentah



May 13, 2025

© Liyana □ Antarabangsa, Berita, Pasaran



MSM Malaysia Holdings, pengeluar gula bertapis utama negara kini **memiliki rancangan untuk melaksanakan semula perladangan tebu di Malaysia** – bagi mengurangkan kebergantungan negara pada bekalan gula mentah import.

Tindakan ini akan membantu Malaysia mengimbangi tekanan antaranya kesan perubahan iklim dan krisis geopolitik dunia yang dilihat berupaya meningkatkan risiko pembekalan dagangan import.

Buat pengetahuan jika berlakunya persekitaran sedemikian ia sekaligus akan meningkatkan persaingan harga dan kos penghantaran di peringkat pasaran. Situasi tersebut secara jelas akan mengganggu rantai bekalan Malaysia di pasaran global.

Setakat ini, MSM akui pihaknya bergantung 100% kepada gula mentah import dan ketika ini sedang mengkaji akan keupayaan operasi untuk memulakan semula perladangan tebu di pasaran tempatan.

Berdasarkan pemantauan semasa, Sarawak dan negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia dilihat antara lokasi yang sesuai untuk pelaksanaan perladangan tebu bagi skala besar.

Selain inisiatif tersebut, MSM turut dalam pertimbangan meneroka potensi gula alternatif iaitu gula nira yang berasaskan palma – bagi mengurangkan lagi kebergantungan ke atas tebu. Usaha ini akan mempelbagaikan lagi pertumbuhan ekonomi Malaysia di masa hadapan sekiranya berdepan sebarang risiko global.

HEADLINE	MSM Ingin Bangunkan Semula Industri Tebu Di Malaysia – Bagi Kurangkan Kadar Import Gula Mentah
MEDIA	Rnggt- Online
DATE	13 May 2025
BY	Liyana
LINK	https://rnggt.com/202541033/